

Nafi terlibat kejadian ugut

SHAH ALAM – MMC Gamuda KVMRT (T) Sdn Bhd menafikan terlibat dengan kejadian kumpulan samseng mengugut seperti didakwa dua pengusaha parkir di Bukit Bintang, kelmarin.

Ketua Jabatan Perhubungan Awam dan Komunikasinya, Dr Bhavani Krishna Iyer berkata, pihaknya sebelum ini berunding dengan pemilik tanah, Pavilion Entertainment Centre (PEC) berkaitan tujuan menyewa beberapa plot tanah tertentu di kawasan persimpangan Jalan Bukit Bintang dan Jalan Pudu daripada PEC.

"Ia untuk pembinaan syaf pelancar bagi memulakan kerja-kerja mengorek menggunakan mesin pengorek terowong (TBM).

"Setahu kami, tiada sebarang isu lain dan kami menafikan dakwaan-dakwaan dikeluarkan pihak ketiga terbabit," katanya dalam satu kenyataan.